



ISMAIL dan tetamu VIP bergambar bersama pemenang hadiah utama.

Motosikal Honda hadiah cabutan bertuah baucer buku 1Malaysia UMS

UB 23.12.2014 B14

KOTA KINABALU: Cabutan bertuah Baucer Buku 1Malaysia, UMS di Bangunan Anjung Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UMS telah dianjurkan oleh Koperasi UMS baru-baru ini.

Seramai 50 pelajar hadir menghadiri majlis itu yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Madya Dr Ismail Ali.

Sebanyak 30 buah hamper merupakan hadiah saguhati, empat buah laptop ASUS, tiga telefon bimbit jenama Samsung Mega, empat telefon bimbit jenama Samsung ACE3 dan hadiah utama sebuah motosikal Honda bernilai RM5,000 telah dimenangi pada majlis itu.

Ang Ling Jun, pelajar dari Fakulti Komputeran dan Informatik, telah memenangi hadiah utama pada majlis itu. Dia sangat terkejut dan tidak percaya dengan kemenangan itu dimana namanya sangat bertuah apabila diumumkan sebagai pemenang pada

cabutan hari itu dan ia tidak sia-sia menggunakan baucer berkenaan di kedai koperasi UMS.

Menurut Ismail, sememangnya pemberian baucer buku itu merupakan durian runtuh daripada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan kepada semua mahasiswa UMS.

“Semua pelajar universiti amat bertuah kerana terpilih untuk menikmati kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan.

“Mahasiswa bijak dalam memilih buku-buku yang diperlukan supaya bersesuaian dengan proses pembelajaran dan pengajaran semasa. Tahniah dan syabas kepada semua mahasiswa kerana memilih berbelanja di Koperasi UMS,” katanya.

Turut hadir di majlis itu, Hj Rizal Othman selaku Pengurus Lembaga Kehormat Koperasi UMS dan ahli-ahli lembaga KoUMS dan pegawai-pegawai UMS.